



PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Tel: 087- 408600/087-408601 Faks: 087-431478

Laman Web: www.pl.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PEMBATALAN PENGANJURAN ACARA PELANCONGAN PERBADANAN LABUAN TAHUN 2020

LABUAN, 18 Jun 2020 – Rentetan situasi semasa global yang sedang menghadapi pandemik COVID-19 dan selaras dengan pengumuman Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) tentang pembatalan penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2020, acara-acara pelancongan anjuran Perbadanan Labuan (PL) yang disenaraikan di bawah adalah **DIBATALKAN**.

- 1) Labuan International Sea Challenge (LISC) pada 26 – 28 Jun 2020 di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan;
- 2) Borneo Arts Festival pada 25 - 27 September 2020 di Kompleks Ujana Kewangan; dan
- 3) Labuan Remembrance Day Ceremony and 75th Anniversary of Labuan Landing pada 7 - 8 November 2020 di War Memorial, Jalan Tanjung Batu.

Manakala acara-acara yang disenaraikan dalam Kalendar Acara Pelancongan (COE) 2020 yang berkerjasama dengan PL juga **DIBATALKAN**. PL juga menasihatkan penganjur acara yang lain mempertimbangkan untuk **MENANGGUHKAN** atau **MEMBATALKAN** acara-acara yang ingin dianjurkan pada tahun ini.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut tentang perkara ini, sila hubungi Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Perbadanan Labuan di talian 087 408 740 / 41.

Disediakan oleh:
Perbadanan Labuan
18 Jun 2020